

KESAN PEMBELAJARAN DAN MOTIVASI TERHADAP PRESTASI AKADEMIK PELAJAR

(Effects of Learning and Motivation on Student Academic Performance)

Masita Mt. Zin
masita@uum.edu.my

Muhammad Nasri Md. Hussain
mnasri@uum.edu.my

Abdullah Hj. Abdul Ghani
abd129@uum.edu.my

Pusat Pengajian Perniagaan Islam
Universiti Utara Malaysia

Abstrak : *Gaya pembelajaran dan motivasi memberi kesan terhadap prestasi akademik pelajar yang mana ianya akan menunjukkan pembelajaran dan motivasi sangat penting dalam kehidupan seseorang pelajar. Aspek gaya pembelajaran dilihat melalui konteks pembelajaran pelajar yang merangkumi pengaplikasian dan penggunaan gaya pembelajaran seperti persekitaran, emosi, sosiologi, fizikal, dan psikologi. Manakala aspek motivasi pula dapat dilihat melalui elemen yang terdapat dalam motivasi pelajar iaitu melibatkan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Prestasi adalah penguasaan pengetahuan atau keterampilan yang dikembangkan melalui mata pelajaran. Ciri-ciri personaliti individu juga menentukan cara penyelesaian masalah pembelajaran. Konsep, teori dan kajian yang berhubung dengan gaya pembelajaran dan motivasi pelajar menunjukkan gaya pembelajaran dan motivasi dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa pentingnya mengenal pasti gaya pembelajaran dan motivasi yang berkesan mengikut kesesuaian peribadi pelajar. Gaya pembelajaran dan motivasi mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar kerana setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Disamping itu, pelajar perlu memahami kecenderungan, kelebihan, kekuatan dan kelemahan diri sendiri dalam gaya pembelajaran yang diamalkan. Kesedaran inilah yang akan menjadi pendorong untuk menghadapi gaya pembelajaran baru yang dapat meningkatkan prestasi mereka dalam pelajaran atau akademik.*

Kata Kunci: *Gaya Pembelajaran dan Motivasi*

Abstract: *Learning style and motivation affect the academic performance of students which will show that learning and motivation are very important in a student's life. Aspects of learning style are seen through the context of student learning which includes the application and use of learning styles such as environmental, emotional, sociological, physical, and psychological. While the aspect of motivation can be seen through the elements found in student motivation that involves intrinsic motivation and extrinsic motivation. Achievement is the mastery of knowledge or skills developed through a subject. Individual personality traits also determine how to solve learning problems. Concepts, theories and studies related to student learning style*

and motivation show that learning style and motivation can improve student academic achievement. Past studies have shown that it is important to identify effective learning styles and motivations according to the personal suitability of students. Learning style and motivation have a relationship with students' academic achievement because each student has his or her own learning style. In addition, students need to understand the tendencies, strengths, strengths and weaknesses of themselves in the learning style practiced. It is this awareness that will be the impetus to face new learning styles that can improve their performance in lessons or academics.

Keywords: *Learning Style and Motivation*

2021 JGBSE

Article Received 25 January 2021, Revised: 01 March 2021, Accepted 27 March 2021

1.0 Pendahuluan

Sistem dan falsafah pendidikan di Malaysia dibahagikan kepada empat (4) tahap perkembangan Pendidikan iaitu sejarah awal pendidikan Tanah Melayu, pendidikan pada zaman pemerintahan British, perkembangan pendidikan tahun 1957-1970 dan perkembangan pendidikan tahun 1970-1990 (Sufean Hussin, 2004). Tun Dr. Mahathir bin Muhammad pula menetapkan visi Wawasan 2020 pada tahun 1991 bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri maju pada tahun 2020 (Nordin, 1994). Dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 dalam bidang pendidikan, kerajaan Malaysia telah melancarkan beberapa program iaitu Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, Pembangunan Pendidikan Malaysia 2001-2010 dan Rancangan Malaysia ke-9.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan bertujuan membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion perguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Manakala Pembangunan Pendidikan Malaysia 2001-2010 bertujuan meningkatkan akses kepada pendidikan, meningkatkan ekuiti, meningkatkan kualiti pendidikan dan meningkatkan tahap keberkesanan dan kepengurusan pendidikan. Rancangan Malaysia ke-9 pula bertujuan untuk meningkatkan ekonomi dan rangkaian nilai yang lebih tinggi, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi serta memupuk minda kelas pertama, menangani ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif, meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup dan mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

Tan Sri Muhyiddin Yasin merangkap Menteri Pendidikan pada 9 September 2013 telah mengumumkan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan menekankan empat inisiatif dalam tempoh 100 hari pertama tahun itu. Objektifnya adalah untuk memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan Malaysia, mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas, dan menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam kementerian.

Mei 2018 Menteri Pendidikan disandang oleh YB Dr. Mazlee Malik telah menilai semula keberkesanan pelaksanaan PPPM 2013-2025 bagi memastikan pelan itu terus kekal relevan selaras dengan perkembangan teknologi yang terlalu pesat. Kerajaan mula mengorak langkah untuk membentuk Jawatankuasa PADU untuk menyelesaikan masalah dan mengambil tindakan pembetulan untuk menangani prestasi yang menurun, memastikan ketelusan melalui

pemantauan dan pengesanan pelaksanaan dan prestasi, menerapkan perubahan budaya untuk bekerja dengan lebih berkesan, menyediakan sokongan kepada pihak berkepentingan di dalam dan luar kementerian, dan memudahkan cara kerjasama dan kolaborasi merentas pelbagai pasukan.

Hasil daripada penelitian terhadap Falsafah Pendidikan Negara serta usaha kerajaan meningkatkan mutu pendidikan di peringkat global melalui pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia ke-9, jelaslah bahawa penekanan diberikan terhadap mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seterusnya memastikan Misi Nasional dapat direalisasikan.

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dilaksanakan dengan baik dapat mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar bagi memastikan pelaksanaan pembelajaran dalam kelas dapat diikuti dengan lebih berkesan. Pendidik perlu memainkan peranan yang penting sebagai penggerak utama terhadap pembangunan pendidikan pelajar. Pendidik perlu berupaya merencana dan menganalisis kaedah dan tatacara pendekatan pengajaran dan penyampaian pelbagai ilmu bagi membantu pelajar memperoleh pelbagai kemahiran. Pelaksanaan penyampaian ilmu yang baik dapat merangsang pelajar mengaplikasikan gaya pembelajaran yang lebih berkesan. Gaya pembelajaran yang baik dapat merangsang para pelajar untuk meningkatkan tahap motivasi terhadap pencapaian akademik.

Bagi memperoleh keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang optimum, pendidik harus mengenalpasti gaya pembelajaran yang sesuai dan menggunakan strategi pengajaran yang sesuai. Strategi pengajaran yang sesuai harus diselaraskan dengan motivasi pelajar. Dengan gaya pembelajaran yang selaras dengan motivasi pelajar membolehkan mereka meneroka potensi dan keupayaan diri sendiri. Gaya pembelajaran yang berkait rapat dengan P&P dapat merangsang motivasi pelajar serta meningkatkan pencapaian akademik.

Terdapat dua (2) unsur yang diberikan keutamaan iaitu gaya pembelajaran dan motivasi pelajar. Aspek gaya pembelajaran dilihat melalui konteks pembelajaran pelajar yang merangkumi pengaplikasian dan penggunaan gaya pembelajaran seperti persekitaran, emosi, sosiologi, fizikal, dan psikologi. Aspek motivasi pula dapat dilihat melalui elemen yang terdapat dalam motivasi pelajar iaitu melibatkan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

2.0 Isu Dan Permasalahan

Pelbagai faktor termasuklah gaya pembelajaran dan motivasi memberi kesan terhadap perbezaan prestasi akademik pelajar. Secara umumnya, masalah yang dihadapi oleh golongan pelajar dari golongan kurang berkemampuan iaitu B40 adalah satu masalah yang perlu diselesaikan bersama oleh masyarakat dan pihak pengurusan institusi pendidikan.

Darjah pencapaian seseorang pelajar dalam proses pembelajarannya bergantung kepada sikap, minat dan motivasi yang berterusan (Crow dan Crow, 1983). Dalam kajian yang dijalankan berdasarkan pemerhatian dan tinjauan oleh para penyelidik terdapat berbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar. Contohnya, terdapat pelajar enggan menyertai program kerana perlu membayar yuran penyertaan bagi mengelak mengeluarkan perbelanjaan harian. Sekiranya mereka menyertai program yang diadakan, mereka perlu memotong perbelanjaan dan berjimat sehabis baik dengan wang yang diperuntukan. Hal ini juga menyebabkan mereka hilang tumpuan di dalam kelas kerana tertekan dengan masalah kewangan yang dihadapi. Menurut Cude et al., 2006, tekanan disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar boleh memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik pelajar

Selain itu, pelbagai bentuk halangan yang melambatkan dan membantutkan peningkatan akademik diri mereka. Jumlah penyertaan program akademik oleh pelajar daripada golongan B40 masih tidak memuaskan kerana mereka tiada kemudahan dan kewangan yang cukup untuk membayar yuran penyertaan. Dalam keadaan ini, tahap kemahiran insaniah mereka tidak berkembang disebabkan mereka kurang menyertai program-program atau aktiviti luar kampus yang dianjurkan oleh pihak sekolah ataupun universiti. Menurut Muhammad Dzharil Shah Andarin & Noor Raudhiah Abu Bakar, 2017 adanya tekanan yang dihadapi oleh pelajar dari golongan ini, gaya pembelajaran mereka tidak sama dengan pelajar yang tiada mempunyai tekanan dan gembira dengan pembelajaran mereka. Gaya pembelajaran ini juga berkait rapat dengan tahap motivasi mereka. Tahap tekanan dan cara penyelesaiannya akan menentukan corak pembelajaran dan tahap pencapaian akademik mereka. Ciri-ciri personaliti individu juga menentukan cara penyelesaian masalah pembelajaran.

Konsep dan teori yang berkaitan dengan gaya pembelajaran, motivasi dan prestasi akademik definisi istilah berdasarkan konsep atau model berikut:

i. Gaya Pembelajaran

Slavin (2006) menyatakan gaya pembelajaran merujuk kepada perbezaan antara cara-cara individu belajar yang mana individu belajar pelbagai cara pembelajaran tetapi menggunakan cara yang sesuai dengan diri mereka. Menurut Ciccarelli dan Mayer (2006), gaya pembelajaran adalah cara khusus yang digunakan oleh individu untuk mendapatkan maklumat. Individu memperoleh maklumat melalui pelbagai cara yang dirasakan sesuai oleh mereka. Manakala McKeachie (2002) pula, menyatakan gaya pembelajaran merujuk kepada cara tersendiri seseorang individu itu belajar dan memperoleh ilmu pengetahuan. Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), gaya pembelajaran merujuk kepada cara mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu. Bagi Guestine & Keim, 1996 gaya pembelajaran melibatkan aspek-aspek personaliti, pemprosesan maklumat, interaksi sosial, baru dan tersendiri dalam diri individu.

ii. Motivasi

Menurut Slavin (2006), juga motivasi sebagai proses dalaman yang mendorong seseorang dalam mencapai sesuatu. Motivasi merupakan pengaruh keperluan dan keinginan terhadap pengamatan dan dorongan tingkah laku. Motivasi juga merujuk kepada suatu keadaan dalaman yang mana memberi arahan ke dalam pemikiran manusia yang mana tingkah laku di dorong kepada tingkah yang bermatlamat. Motivasi juga merupakan dorongan atau keperluan yang memimpin kepada sesuatu tindakan (Sternberg, 2001). Motivasi juga melibatkan sesuatu proses yang memberikan kuasa dan arahan yang mengerakkan tingkah laku seseorang. Motivasi secara dasarnya, satu proses dalam pelbagai keperluan desakan biologikal terhadap tingkah laku yang terbentuk bagi memenuhi keperluan.

Bagi Muhammad Kamil (2001), motivasi merupakan elemen yang penting dalam menghasilkan pembelajaran yang sempurna. Keadaan ini kerana motivasi merupakan suatu kaedah pengajaran yang boleh merangsang minat pelajar dalam mata pelajaran yang diikuti. Motivasi adalah keadaan dalaman seseorang yang membangkitkan dan mengarah tingkah laku secara berterusan. Motivasi juga merupakan faktor yang menghuraikan mengapa manusia bertindak dan berfikir terhadap sesuatu yang dilakukan. Motivasi juga merupakan dorongan tingkah laku ke arah menyelesaikan masalah atau mencapai sesuatu matlamat (Halonen dan Santrock, 1999).

Teori-teori motivasi banyak membantu dalam mencari penyelesaian terhadap masalah pencapaian pelajar dalam bidang akademik. Motivasi mempunyai pengaruh yang besar dalam penentuan dan pembentukan sikap pelajar ianya dapat menentukan tahap pencapaian akademik mereka sama ada meningkat atau menurun.

Proses motivasi dalam belajar ditingkatkan dengan tiga (3) petua (Rooijakkers, 1996):-

1. Motivasi Jangka Panjang yang mana Seseorang pelajar akan belajar secara tekun dalam menghadapi ujian atau peperiksaan akhir tahun. Mereka akan memaksa diri mereka untuk memahami setiap pelajaran yang telah diajar oleh guru atau pensyarah mereka semasa dalam kelas.
2. Motivasi Jangka Pendek merupakan minat pada sesuatu masa yang memerlukan pelajar memahami setiap penjelasan yang berkaitan dengan pembelajaran. Keadaan ini disebabkan oleh motivasi jangka pendek dipengaruhi oleh motivasi jangka panjang.
3. Kadar Surut Ingatan (*Regressi*) merupakan sesuatu proses melemahkan ingatan seseorang mengenai sesuatu perkara. Untuk mengecilkkan kadar tersebut, motivasi perlu ditanam dalam diri setiap mahasiswa.

iii. Prestasi Akademik

Prestasi bermaksud hasil usaha, yang berasal daripada bahasa Belanda iaitu *prestatie*. Prestasi adalah penguasaan pengetahuan atau keterampilan yang dikembangkan melalui mata pelajaran, ditunjukkan dengan nilai (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008:895). Menurut Qohar (2000) prestasi merupakan hasil daripada suatu kegiatan yang telah dilakukan secara individu ataupun kelompok dengan adanya usaha. Prestasi bermaksud apa yang dicapai atau diperolehi dan akademik bermaksud ilmu pengetahuan.

Kamus Dewan (2007) prestasi akademik bermaksud hasil yang diperolehi oleh pelajar-pelajar setelah mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan. Menurut Zainal Arifin (1991) prestasi akademik didefinisikan sebagai hasil daripada kemampuan, keterampilan dan sikap seseorang dalam menyelesaikan suatu hal. Bagi Winke (2007) pula prestasi akademik merupakan bukti keberhasilan usaha yang telah dicapai. Prestasi akademik merupakan penguasaan ilmu pengetahuan yang dikembangkan oleh mata pelajaran dan lazimnya diukur dalam ujian (Depdikbud, 1989).

Cole (1989) membahagikan prestasi akademik kepada dua (2) konsep iaitu pencapaian dalam kemahiran asas yang merujuk kepada kebolehan membaca, menulis, mengira dan mengingat fakta-fakta ringkas dan kemahiran-kemahiran yang boleh dipelajari dan dinilai secara terus dalam jangka masa pendek. Kebolehan pemikiran dan menyelesaikan masalah secara kritikal serta memahami sesuatu perkara secara mendalam merujuk kepada konsep kedua iaitu Pencapaian dalam kemahiran dan ilmu pengetahuan tinggi.

3. Pengaruh Gaya Pembelajaran Dan Motivasi Terhadap Prestasi Akademik

Kajian terawal yang dijalankan oleh Abdul Razak Habib dan Rashidi Azizan (1997) untuk menentukan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Sains dan Matematik dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah. Terdapat tiga (3) gaya pembelajaran telah dikemukakan iaitu gaya motivasi, gaya mendalam dan gaya permukaan daripada Inventori Gaya Pembelajaran Selmes (1987). Sampel kajian terdiri daripada 539 orang pelajar tingkatan 4 di 20 buah sekolah sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Dapatan hasil kajian beliau menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara ketiga-tiga gaya pembelajaran. Gaya motivasi dan gaya mendalam mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian Sains dan

Matematik, sementara gaya permukaan mempunyai hubungan yang negatif. Ini bermakna gaya motivasi dan gaya mendalam dapat meningkatkan pencapaian akademik.

Makala kajian yang dijalankan oleh Misnan Jemali (1999) menunjukkan bahawa hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Arab telah menggunakan Inventori Pembelajaran di Sekolah (Selmes, 1987). Misnan telah mengubah inventori tersebut kepada empat (4) gaya pembelajaran iaitu gaya hafalan, gaya perbincangan, gaya latihan dan gaya motivasi. Sampel kajian beliau terdiri daripada 200 orang pelajar tingkatan 4 di enam (6) buah sekolah di negeri Perak. Dapatan kajian tersebut mendapati gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar cemerlang ialah gaya motivasi dan gaya hafalan. Manakala pelajar yang lemah dalam pelajaran mengamalkan gaya motivasi dan gaya perbincangan semasa mempelajari Bahasa Arab.

Amstrong dan Rentz (2002) dalam kajiannya tentang hubungan antara motivasi dengan pencapaian pelajar-pelajar. Mereka menjalankan penyelidikan mengenai tindakan terhadap pelajar-pelajar di Midwestern, Illinois yang mana mendapati motivasi dan pencapaian mereka tidak memuaskan. Setelah diberi motivasi, mereka mendapati bahawa motivasi mereka mula meningkat dan pencapaian mereka juga bertambah baik. Ini menunjukkan terdapat sumbangan motivasi yang tinggi terhadap pencapaian.

4. Rumusan

Konsep, teori dan kajian yang berhubung dengan gaya pembelajaran dan motivasi pelajar menunjukkan gaya pembelajaran dan motivasi dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa pentingnya mengenal pasti gaya pembelajaran dan motivasi yang berkesan mengikut kesesuaian peribadi pelajar.

Terdapat dapatan kajian yang mendapati bahawa pelajar lebih mengamalkan gaya pembelajaran rangsangan emosi dan rangsangan psikologikal berbanding persekitaran, sosiologi, psikologikal, fizikal, dan emosi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar mengamalkan pelbagai gaya pembelajaran dan tidak terikat kepada satu jenis gaya pembelajaran sahaja. Dari segi motivasi menunjukkan pelajar yang mengamalkan motivasi yang sedia ada dalam diri pelajar akan berjaya.

Gaya pembelajaran dan motivasi mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar kerana setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Guru atau pensyarah seharusnya memahami gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar agar dapat menggunakan kaedah pengajaran yang bersesuaian supaya boleh meningkatkan minat dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran. Oleh yang demikian, proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan berkesan dalam meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan dalam menghadapi cabaran zaman sains dan teknologi.

Semua pihak perlulah memainkan peranan dalam memberi dorongan dan menyediakan kemudahan serta persekitaran yang bersesuaian kepada pelajar supaya mereka berasa selesa semasa belajar. Pelajar juga perlu memahami kecenderungan, kelebihan, kekuatan dan kelemahan diri sendiri dalam gaya pembelajaran yang diamalkan. Kesedaran inilah yang akan menjadi pendorong untuk menghadapi gaya pembelajaran baru yang dapat meningkatkan prestasi mereka dalam pelajaran atau akademik.

Rujukan

- Amstrong, S. & Rentz, T. (2002). *Improving Listening Skills and Motivation*. Research Project. Saint Xavier University, Chicago, Illinois.
- Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor, & Haliza Jaafar. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Bazitah Abu Bakar. (2006). *Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik: Tinjauan di tiga buah madrasah sepenuh masa di Singapura*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Ciccarelli, S. K. & Meyer, G. E. (2006). *Psychology*. Georgia: Pearson Education.
- Crow, L. D. & Crow, L. (1983). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cude, B. J., Lawrence, F. C., Lyons, A. C., Metzger, K., Lejeune, E., Marks, L., & Machtmes, K. (2006). College students and financial literacy: What they know and what we need to learn. *Eastern Family Economics and Resource Management Association Conference*.
- Dunn, R. & Dunn, K. (1979). Learning style/teaching styles: Should they...can they be matched? *Educational Leadership*. January, 238-244.
- Halonen, J. S. & Santrock, J. W. (1999). *Psychology: Context and Application*. 3rd Ed. New York: McGraw Hill.
- Harter, S. (1990). Self and identity development. In S. S. Feldman & G. R. Elliott (Eds.), *At the Threshold: The Developing Adolescent*, 352-387. Cambridge, MA, US: Harvard University Press.
- Ibrahim Abu Samah. (1995). *Keselesaan dan Persepsi Pelajar Luar Bandar terhadap Sumber Manusia di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 608.
- Kamus Dewan. (2007). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim, C. H. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Selangor: Mcgraw-Hill.
- Low Xin Xin. (2003). *Pola Gaya Pembelajaran Pelajar-pelajar di Kelas Lukisan Kejuruteraan Sekolah Menengah Sains Muar*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.
- McKeachie, W. J. (2002). *McKeachie's teaching Tips: Strategies, Research, and Theory for College and University Teachers*. 11th ed. Boston: Houghton-Mifflin.
- Mohd Sharani Ahmad & Zainal Madon. (2007). *Tip pandai belajar*. Selangor: PTS Millennia
- Muhammad Dzharil Shah Andarin & Noor Raudhiah Abu Bakar. (2017). *Hubungan antara personaliti, gaya pembelajaran, faktor persekitaran dan keagamaan dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar IPTS Selangor*. Diakses pada 21 Mei, 2019, daripada <http://conference.kuis.edu.my/iconlee/images/e proceeding/020-iconlee-2017.pdf>
- MTUC (2017). Sediakan pendidikan percuma bagi pelajar kumpulan B40 dan M40 untuk peluang pekerjaan lebih baik. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia. Diakses pada 15 Jun, 2019, daripada, <http://www.mtuc.org.my/provide-free-education-forb40-and-m40-students-and-better-their-employment-opportunities/?lang=MS>
- Namri Sidek. (2017). *Fahami Skim Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) Kini Dikenali Sebagai MyBSHR*. Diakses pada 9 Mei, 2019, daripada <https://iluminasi.com/bm/fakta-fakta-menarik-berkenaan-skim-bantuan-rakyat1malaysia.html>

- Nasirah Ismail, Norhasliza, & Siti Zubaidah Saharudin. (t.t). *Hubungan motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Kejuruteraan: Tinjauan dalam kalangan pelajar semester akhir Diploma Kejururawatan di Politeknik Sultan Azlan Shah*. Diakses pada 1 Jun, 2019, daripada https://www.academia.edu/22970791/jurnal_hubungan_motivasi_gaya_pembelajaran_dengan_pencapaian_matematik_kejuruteraan
- Natzel, S. G. & Engelbrecht, P. (1997). Cultural variations in cognitive style: field dependence vs field independence. *School Psychology International*, 18(2), 155-164.
- Norlia Abd Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim & Kamisah Osman. (2006). hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan*. 31, 123–141.
- Norihan Abu Hassan. (2001). *Perkaitan antara pencapaian awal, kaedah pengajaran, gaya pembelajaran dan kesukaran subjek terhadap pencapaian Matematik di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Qohar. (2000). *Prestasi Belajar Akademik*. Diakses pada 24 Mei 2019, daripada <http://www.prestasiakademik/belajarnews/235/saq8/html>
- Roscoe, J.T. (1975). *Fundamental Research Statistics for the Behavioral Science, International Series in Decision Process*, 2nd Edition. Holt, Rinehart and Winston, Inc., New York.
- Sadiyah. (2003). *Hubungan motivasi dalaman (motivasi intrinsik) dan peranan motivasi luaran (motivasi ekstrinsik) dengan pencapaian akademik pelajar tahun akhir Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal 2001/2002, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Sadler-Smith, E. (1996). Learning styles: a holistic approach. *Journal of European Industrial Training*, 20(7), 29-36.
- Schumacher, S. & McMillan, J. H. (1993). *Research in Education: A Conceptual Understanding*. New York: Harper Collins.
- Slavin, R. E. (2006). *Educational Psychology: Theory and Practice*. 8th ed. United States of America: Pearson Education, Inc.
- Sternberg, R. J. (2001). Why schools should teach for wisdom in educational settings. *Educational Psychologist*. 36(4), 227-245.
- Suresh Kumar A/L Kesavalu. (2005). *Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar Sarjana Muda Teknologi Asas*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Tajul Ariffin Nordin. (1993). *Pendidikan Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tumerah Rosmin. (1996). *Faktor-faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran dan kesannya terhadap pencapaian akademik*. Projek Sarjana Sains (Pengurusan). Universiti Utara Malaysia, Sintok.